

03/12/1997

Hari Aids kenangi kanak-kanak

Wan Nurmawati Abdul Rani

MAJLIS Aids Malaysia dan Yayasan Aids Malaysia akan bekerjasama dengan lebih 80 syarikat swasta, jabatan kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO), sekolah, kolej dan orang perseorangan untuk menjayakan Hari Aids Sedunia yang disambut pada 7 Disember ini.

Sambutan Hari Aids Sedunia 1997 menggunakan tema Kanak-kanak Yang Hidup di Dunia Dengan Aids yang menekankan kesan virus itu terhadap kanak-kanak.

Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir berkata, tema itu dipilih oleh Program Bersama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai HIV/Aids (UNAIDS) sebagai kempen Aids Sedunia bagi mencapai lebih banyak hasil dalam bidang sokongan dan program.

Menurutnya, kempen itu juga dapat memaksimumkan penggunaan sumber yang ada, memastikan keberkesanan kos dan meningkatkan pencapaian serta kesan menggerakkan usaha di seluruh negara.

Berikutan itu, katanya, majlis dan yayasan mengadakan beberapa usaha sama dengan pelbagai pertubuhan serta individu untuk mewujudkan kesedaran mengenai tema tahun ini.

"Kami berharap UNAIDS serta NGO dapat meningkatkan kefahaman orang ramai mengenai saiz HIV/Aids serta hasil dalam dasar dan tindakan yang akan mencegah penularan HIV di samping meminimumkan kesan virus itu kepada kanak-kanak, keluarga dan masyarakat."

"Malah, untuk julung kali, kami mengadakan kempen media yang merangkumi enam iklan berbeza menjurus kepada diskriminasi sosial terhadap kanak-kanak yang dijangkiti Aids."

"Iklan itu disiarkan dalam akhbar berbahasa Melayu dan Inggeris selama tiga minggu," katanya pada sidang akhbar yang diadakan di sebuah hotel terkemuka, semalam.

Katanya, antara program sambutan Hari Aids Sedunia yang dilancarkan pada 1 Disember itu ialah acara bercorak pendidikan, Hip Hitz Jam dengan memberi sasaran kepada golongan remaja tempatan.

Bagaimanapun, beliau berkata, acara kemuncak ialah Karnival Riben Merah merangkumi acara Jalan Kaki Harapan dan Konsert Riben Merah yang akan diadakan di Dataran Merdeka serta Stadium Merdeka pada 7 Disember ini.

Menurut Marina, walaupun konsert Riben Merah menjadi program utama sejak 1994, tahun ini untuk kali pertama, ia akan dianjurkan bersama Persatuan Akademi Industri Muzik Malaysia (PAIMM).

"Karnival yang diadakan di Stadium Merdeka adalah termasuk aktiviti sukan, kebudayaan dan hiburan dengan gabungan elemen pendidikan bagi menggalakkan orang ramai mempelajari mengenai HIV/Aids."

"Kemasukan ke karnival itu adalah percuma manakala mereka yang berminat menyaksikan konsert akan diminta menyumbang pada kadar minimum RM5 bagi satu lencana dua riben merah yang akan diberikan bersama satu pas masuk ke konsert berkenaan," katanya.

Sebelum itu, Marina menerima cek sumbangan bernilai RM10,000 dan lebih 200 kad Hope & Care daripada pelajar FutureKids Malaysia. Tidak ketinggalan juga sumbangan cek bernilai RM150 daripada wakil pelajar Sekolah Sri Inai, Jessica Lee, 10, hasil jualan barangan permainan dan buku.

(END)